

U 8061 AAB

MAHATHIR - MESIR

OLEHAHMAD REJAL ARBEE 1984

(I)

KAHIRAH, 12 DIS. (BERNAMA) -- PERDANAMENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEMALAM MENYERU MESIR BERSAMA-SAMA DENGAN MALAYSIA MENCARIBIDANG KERJASAMA EKONOMI YANG LEBIH LUAS DAN BARU UNTUK MENAMBAH PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMIMASING-MASING DALAM SEMANGAT KERJASAMA SELATAN-SELATAN.

BELIAUMEMBUAT SERUAN ITU BEBERAPA JAM SELEPAS KETIBAANNYA DI SINI UNTUK LAWATAN RASMI EMPAT HARI KE MESIR SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA RANGKA KUNJUNGAN 12 HARINYA KE TIGA BUAH NEGARA ISLAM DI AFRIKA.

DALAM UCAPANNYADI MAJLIS JAMUAN NEGERA KERANA MERAIKANNYA OLEH RAKAN SEJAWATANNYA DARIMESIR, ENCIK KAMAL HASSAN ALY DI TAHRIR CLUB DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENYENTUH TEMA BERHUBUNG DENGAN USAHANYA KE ARAH MENINGKATKAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN MEMANDANGKAN KEGAGALAN DIALOG UTARA-SELATAN.

BELIAUBERKATA, BAHAWA SEMUA NEGARA MEMBANGUNKINI MENGHADAPI CAEARAN YANG PALING PENTING DALAM KEPERLUAN UNTUK MENINGKATKAN PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI MEREKA.

+INI TERUTAMANYA APABILAKITA BERHADAPAN DENGAN PERATURAN EKONOMI ANTARABANGSA YANG MENCERMINKAN KETAKADILAN DAN BERAT SEBELAH TERHADAP NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.+

BELIAU BERKATA BAHAWA MESIR SELALU MENJADI JUARA YANG GAGAH DALAM PERJUANGAN UNTUK MENYEMAKASAS SISTEM AKONOMI ANTARABANGSA ITU.

+TETAPIWALAU DENGAN USAHA YANG PALING BAIKSEKALIPUN, IA TIDAK BOLEHMEMBAWA PERUEAHAN YANG SANGATDIPERLUKAN, MELAINKAN NEGARA-NEGARA MAJU MEMBERIKANSAMBUTAN YANG SEWAJARNYA.

+OLEH ITU JIKA KITA TIDAK MENCAPAI KEMAJUAN DARI NEGARA-NEGARA MAJU,MAKA MENJADI TANGGUNGJAWAB KITA PULA UNTUK MENGUSAHAKAN CARA YANGLAINBAGI MEMENUHI ASPIRASI KEMAJUAN SOSIO-EKONOMI RAKYAT KITA MASING-MASING.+

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN PARA PERWAKILAN MALAYSIA TIBA DI SINI PADAPUKUL 7.00 MALAM (1.00 PAGI WAKTU MALAYSIA) SELEPAS BERHENTI SELAMADUJAM, DI PALERMO SCICILY DAN KETIBAANBELIAUDI LAPANGAN TERBANGDISAMBUTOLEH ENCIK KAMAL HASSAN ALY DAN ISTERINYA.

PERDANA MENTERI MENYENTUH HUBUNGAN DUA HALAMALAYSIA-MESIR YANG BERMULASEBELUM MALAYSIA MENCAPAI KEMERDEKAAN DALAM TAHUN 1957 LAGI.

SEJAK DIADAKAN PERHUBUNGANDIPLOMATIK, PERHUBUNGAN ITU MENCAPAI KEMAJUAN YANG BERLIPAT GANDA DAN BEBAS DARIPADA SEBARANG MASALAH YANG NYATA.

BELIAU BERKATA TERDAPAT BANYATPERTUKARANLAWATAN ANTARA PARA PEMIMPIN DAN PEGAWAI KEDUA-DUABUAH NEGARA SEHINGGA IA TIDAK MENJADI SUATU PERKARA ASING LAGI ANTARA SATU SAMA LAIN,

RAKYAT KEDUA-DUA NEGARA JUGA MENIKMATI BIDANG PERTUKARAN YANG MELUAS MELALUI HUBUNGAN PELAJARAN, AGAMA DAN PERDAGANGAN DAN EKONOMI. KEDUA-DUA NEGARA JUGA TELAH MEMPUNYAI HUBUNGAN DALAM BIDANG PELAJARAN YANG RASMI SECARA TRADISILAGIBAGIMEREKA YANG BERHASRAT MEMASUKI UNIVERSITI AL-AZHAR.

HARI INI ADA BERATUS-RATUS PELAJAR MALAYSIA DIPELBAGAI UNIVERSITI DI MESIR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR AKANMEMULAKANLAWATAN RASMI SEPENUHNYA KE MESIR DENGAN MELETAKKAN KALUNGAN BUNGA DI MAKAMTENTERAESOK, DIKUTI DENGAN LAWATANNYA KE MASJIDAL-AZHAR DAN MENEMUISHEIKH AL-AZHARDI JEDDA. PERBINCANGAN RASMI AKANBERMULALEWATPETANG. -- BERNAMA

1140MST 12 12 84